

# **PENDIDIKAN AL - QURAN SUNNAH TINGKATAN 5**

**BAHAGIAN : AKHLAK**

**PELAJARAN 30 : ADAB DENGAN PEMIMPIN**

# PEMIMPIN MENURUT ISLAM

- Pemimpin ialah orang yang mengetuai dan mengendalikan orang yang di bawah pimpinannya dalam sesebuah organisasi seperti keluarga,masyarakat,pertubuhan dan negara berdasarkan syariat islam.

# ADAB-ADAB DENGAN PEMIMPIN

## 1) MENTAATI

Taat kepada setiap arahan pemimpin selagi tidak bertentangan dengan ajaran islam.

## 2) MENGHORMATI DAN MENYAYANGI

Menghormati dan menyayangi pemimpin adalah dituntut oleh islam.

### **3) MENJAGA MARUAH**

Kita digesa untuk menjaga maruah pemimpin kerana mereka telah diamanahkan untuk memimpin.

### **4) MEMBERI KERJASAMA**

Memberi kerjasama kepada pemimpin kerana mereka tidak boleh bersendirian dalam menjalankan tugas.

## 5) MEMBERI TEGURAN MELALUI SALURAN TERENTU

Pemimpin yang melakukan kesilapan hendaklah diberi teguran secara berhikmah.

## 6) MENZIARAHİ

Penting sebagai tanda sokongan dan hormat.

## **7) SUMBANGAN**

Dari segi buah fikiran dan tenaga.

## **8) MENDOAKAN KESEJAHTERAAN**

Supaya memperoleh petunjuk dalam menjalankan tugas.

## BATAS KETAATAN

ISLAM menyuruh supaya taat kepada pemimpin selagi mereka tidak menyuruh melakukan perkara yang bertentangan dengan syariah. Jika mereka menyuruh melakukan maksiat, maka **tidak wajib** mentaatinya.

# KELEBIHAN MENTAATI

Memenuhi tuntutan agama.

Pembangunan negara dapat berjalan lancar.

Negara akan aman dan selamat daripada ancaman musuh.

Pemimpin dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan

# KESAN TIDAK BERADAB

Mendapat  
kemurkaan Allah.

Memburukkan imej  
negara di mata  
dunia.

Melemahkan  
semangat pemimpin  
untuk menjalankan  
tugas.

Menggagalkan  
rancangan pemimpin  
untuk berbuat kebaikan  
kepada rakyat.

# PERANAN PEMIMPIN

- Melaksanakan amar ma'ruf nahi mungkar.
- Menjaga kebijakan merangkumi semua keperluan asasi.
- Menjadi contoh kepada orang yang dipimpin.
- Melaksanakan dakwah dan berlaku adil.
- Mengutamakan kepentingan orang yang dipimpin melebihi dirinya.

# ADAB PARA SAHABAT TERHADAP KEPIMPINAN RASULULLAH

## SIKAP

- 1) Mengutamakan Rasul berbanding keluarga atau diri sendiri.
- 2) Taat sepenuhnya terhadap kepimpinan Rasulullah sebagai ibadah.
- 3) Bersangka baik dan tidak mempersoalkan tindakan dan arahan Rasulullah.
- 4) Mengelakkan daripada melukakan hati Rasulullah sama ada perkataan atau perbuatan.

## TINDAKAN

- 1) Menyempurnakan tugas yang diberikan oleh Rasulullah dengan sebaik-baiknya.
- 2) Memberi kerjasama sepenuhnya terhadap pandangan dan perancangan Rasulullah.
- 3) Berlumba-lumba untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh Rasulullah.
- 4) Bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan oleh Rasulullah.

# PENILAIAN

- 1) Jelaskan definisi pimpinan menurut islam.
- 2) Tuliskan dalil beradab dengan pemimpin.
- 3) Senaraikan adab-adab dengan pemimpin.
- 4) Huraikan kelebihan beradab dengan pemimpin.
- 5) Bincangkan peranan pemimpin terhadap rakyat.